

# ABDUL RAHIM KAJAI: BAPA KEWARTAWANAN MELAYU MODEN

Mohd Samsudin\*

## Abstrak

Kebangkitan keintelektualan dan semangat nasionalisme orang Melayu telah dilakukan oleh akhbar dan majalah terutama sekitar tahun 1930an dan 1940an. Akhbar dan majalah telah memberikan banyak input yang membina kepada kesedaran orang Melayu mengenai kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi dan sosial diakibatkan oleh dasar penjajah kolonial British. Akbar didukung oleh pengarang yang berwibawa dan berkeupayaan menarik minat pembaca. Abdul Rahim Kajai adalah antara pengarang akhbar berbahasa Melayu yang memainkan peranan utama dalam membawa orang Melayu terhadap kesedaran nasionalisme. Artikel ini akan menjelaskan peranan Abdul Rahim Kajai yang berperanan sebagai pengarang, wartawan, penulis kesusasteraan di akhbar dan majalah memberikan kesedaran kebangsaan. Penglibatan kerjaya beliau ialah di dalam akhbar *Idaran Zaman*, *Saudara*, *Warta Malaya*, *Majlis*, *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman*, *Perubahan Baharu*, *Berita Malai*. Dapat kajian mendapati banyak sumbangan yang telah diberikan oleh Rahim Kajai yang melayakkan beliau dinobatkan sebagai Bapa Wartawan Melayu serta tokoh besar yang menyumbang kepada penerbitan akhbar dan majalah di Tanah Melayu dan Singapura.

**Kata kunci:** *Rahim Kajai, wartawan, akhbar, kolonial British, semangat nasionalisme*

## Abstract

*The emergence of intellectualism and the spirit of nationalism among the Malays was largely influenced by newspapers and magazines, particularly during the 1930s and 1940s. These publications provided constructive insights that heightened Malay awareness of their socio-economic backwardness, a condition attributed to the policies of British colonial rule. The newspapers were supported by authoritative and competent editors who were able to capture and sustain the interest of readers. Among the most prominent figures was Abdul Rahim Kajai, a distinguished Malay-language newspaper editor who played a pivotal role in cultivating national consciousness among the Malays.*

---

\* Dr. Mohd Samsudin ialah Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia.

*This article examines the contributions of Abdul Rahim Kajai as an editor, journalist, and literary writer, highlighting his role in promoting national awareness through newspapers and magazines. His professional engagements included several major publications, such as Idaran Zaman, Saudara, Warta Malaya, Majlis, Utusan Melayu, Utusan Zaman, Perubahan Baharu, and Berita Malai. Research indicates that Rahim Kajai made numerous significant contributions which justified his recognition as the “Father of Malay Journalism.” He is also acknowledged as an eminent figure who played a crucial part in the development of newspaper and magazine publishing in Malaya and Singapore.*

**Keywords:** *Rahim Kajai, journalist, newspapers, British colonialism, nationalist spirit*

## **Pengenalan**

Abdul Rahim Salim Kajai atau lebih dikenali sebagai Rahim Kajai adalah seorang tokoh penulis yang telah memberikan sumbangan besar kepada negara. Beliau menggunakan bidang kewartawanan untuk menyampaikan pengetahuan mengenai erti kebebasan dan hak penduduk peribumi bagi memahami pelbagai bentuk penindasan kuasa penjajah. Hasil penulisan beliau melahirkan pemikiran yang telah merintis perjuangan penduduk tempatan untuk meningkatkan kesedaran menentang dasar kolonialisasi British. Abdul Rahim Kajai telah menggunakan bidang penulisan dan kewartawanan sebagai medium untuk memberikan kesedaran di kalangan penduduk. Beliau dianggap tokoh penting pada tahun-tahun 1930-40an yang wujud pada zaman tersebut kerana masih kurang tokoh-tokoh pada masa tersebut berani mengemukakan pandangan untuk membela kaumnya disamping memberikan teguran secara terbuka terhadap orang Melayu agar bangun memajukan diri. Rahim Kajai begitu istimewa kerana seluruh hidup beliau ditumpukan dalam bidang kewartawanan. Beliau juga tokoh yang telah melahirkan ramai wartawan moden tanahair yang berkaliber dan terkenal.

Dalam bidang kesusasteraan, Rahim Kajai adalah tokoh utama merintis bidang penulisan cerita pendek (cerpin) dan novel. Sebagai pengarang akhbar, usaha beliau telah mendapat ikutan ramai apabila cerpen dan novel yang dikeluarkan adalah kisah berkaitan realiti masyarakat terutama kemiskinan, kurang pendidikan dan dasar kolonial. Rahim Kajai juga telah memainkan peranan memperkenalkan istilah-istilah baharu yang kekal digunakan pada masa kini. Pemikiran Rahim Kajai yang telus dan jelas diterima oleh pembaca. Memandangkan akhbar dan majalah adalah wadah utama interaksi masyarakat menyebabkan penerbitan akhbar dapat diterbitkan dalam bentuk menguntungkan dan sampai kepada sasaran pembaca. Justeru itu penerbitan akhbar dan majalah dapat menarik perhatian ramai orang Melayu serta menjadi ejen penting dalam menyampaikan berita dan pandangan masyarakat.

## Latarbelakang Keluarga

Siapakah Rahim Kajai? Bagaimanakah beliau dianggap tokoh kewartawanan yang penting? Nama sebenarnya Abdul Rahim bin Haji Salim, biasa dipanggil Rahim Kajai dilahirkan di Setapak, Kuala Lumpur pada tahun 1894. Samad Ismail mengatakan Rahim Kajai biasa dipanggil Kajai sahaja. Keluarganya berasal dari Kajai, Minangkabau. Ayahnya Salim Kajai berasal dari keluarga mewah merupakan seorang Sheikh Haji. Haji Salim berkahwin dengan Hajah Safiah di Mekah. Apabila Hajah Safiah mengandung, Haji Salim menghantar isterinya pulang ke Setapak untuk melahirkan Rahim Kajai. Abdul Rahim Kajai dilahirkan di Setapak, Kuala Lumpur pada tahun 1894. Rahim dipelihara oleh ibu dan neneknya bernama Wan Sri Dayang.

Pendidikan awal beliau ialah di Sekolah Melayu Setapak pada tahun 1900 hingga darjah lima. Beliau berpeluang dan layak meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Inggeris tetapi keluarganya telah menolak tawaran tersebut. Sebaliknya Rahim Kajai telah dihantar oleh keluarganya menyambung pelajaran di kota Mekah 1906-1909. Penghantaran ke Mekah ada kaitan dengan kegiatan bapanya yang menjadi Sheikh Haji di sana. Sewaktu di Mekah, Kajai tinggal bersama ibu tirinya yang bernama Arfa. Sewaktu di Mekah, Rahim Kajai mengkhusus dalam pengajian Bahasa Arab, Usuluddin, Fiqah dan membaca al-Quran. Selepas pulang ke Kuala Lumpur, Rahim Kajai beberapa kali telah pergi ke Mekah untuk membantu ayahnya iaitu pada tahun 1913 dan 1923. Pendedahan interaksi dengan berbagai jemaah haji dan melihat pelbagai lapisan masyarakat yang datang ke kota suci Mekah telah memberikan pengalaman berguna kepada Rahim Kajai.

Rahim Kajai pulang dari Mekah pada tahun 1909 dan bekerja sebagai penjilid dan kemudian pengatur huruf Melayu di Pejabat cop Kerajaan di Kuala Lumpur selama tiga tahun. Bidang kerjaya ini mempengaruhi Rahim Kajai untuk mempelajari bahasa Inggeris pada tahun 1912-13. Beliau belajar bahasa Inggeris dengan mengikuti kelas tuisyen yang dikendalikan oleh rakannya. Rahim Kajai juga akan mengambil buku bahasa Inggeris dan meminta mereka mengajar beliau. Beliau berhijrah ke Singapura bekerja sebagai pengatur huruf Inggeris di Syarikat Malaya Publishing House.

Rahim Kajai mempunyai semangat untuk meningkatkan diri. Pada tahun 1913 beliau pulang ke Kuala Lumpur untuk bekerja sebagai pelatih pelukis di sebuah pejabat jurutera bangunan. Tidak lama kemudian beliau bekerja sebagai pelukis sementara di Jabatan Ukur Kuala Lumpur tetapi terpaksa berhenti apabila ayahnya meninggal dunia. Rahim Kajai pergi ke Mekah meneruskan pekerjaan ayahnya sebagai Sheikh Haji disamping menjaga adik perempuannya iaitu Mariam. Pada tahun 1917 Rahim Kajai pulang ke Kuala Lumpur setelah menyerahkan pekerjaan urusan haji kepada ibu tirinya, Hajah Arfa. Untuk beberapa tahun Rahim Kajai tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Pada tahun 1920 Rahim Kajai berkahwin kali kedua dengan Rajab binti Haji Salam selepas isterinya meninggal dunia. Beliau pergi semula ke Mekah menguruskan pekerjaan Sheikh Haji. Disamping itu beliau menjadi wakil wartawan akhbar Idaran Zaman dari Pulau Pinang yang pengarangnya ialah Yunus Abdul Hamid. Rahim Kajai memberikan berita dari Mekah diantara tahun 1925-1927. Idaran Zaman mula diterbitkan di Pualau Pinang pada tahun 1925 menjadi akhbar reformis pertama di Pulau Pinang. Mohd Yunus mempunyai hubungan rapat dengan Syed Sheikh Al-Hadi yang mempengaruhi kepada kandungan akhbar ini. Antara isu yang dibangkitkan oleh Idaran Zaman ialah soal kemajuan orang Melayu. Ia membicarakan

faktor yang menyebabkan kelemahan dan kemunduran orang Melayu. Oleh sebab itu Rahim Kajai sudah didedahkan mengenai perkara menarik perhatian orang Melayu ketika itu.

Pada tahun 1928, Rahim Kajai pulang ke Kuala Lumpur apabila ibunya meninggal dunia. Pekerjaan urusan Haji diberikan kepada Mariam. Apabila pulang ke Kuala Lumpur, Rahim Kajai memulakan kerjaya sebagai wartawan dalam bulan Mac 1930 sebagai penolong pengarang akhbar *Saudara*. Pengarang akhbar ini masa itu ialah Mohd Yunus Abdul Hamid berasal dari Langkat, Sumatra dilahirkan pada tahun 1889. Pendidikan awalnya di Langkat. Mohd Yunus banyak merantau untuk bekerja antaranya Batu Bahara, Betawi, Singapura dan Pulau Pinang. Minat dalam bidang kewartawanan bermula apabila beliau bersama Muhamad Samin mendirikan sebuah syarikat bernama Percetakan Setia Bahasa dan berjaya menerbitkan akhbar Benih Merdeheka. Seterusnya bertukar kerja menjadi anggota pengarang harian Neraca (yang kemudian nama menjadi Hindia Baru) yang dipimpin oleh Hj. Agis Salim. Mohd Yunus kemudiannya menerbitkan akhbar Sinar Zaman di Deli. Bagaimanapun beliau dituduh mengetuai kumpulan penentang kerajaan Belanda menyebabkan beliau ditahan dan diberhentikan sementara. Kesukaran untuk bekerja menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk berhijrah ke Pulau Pinang untuk menyertai beberapa akhbar iaitu *Idaran Zaman* (1925-28), *Al-Ikhwan* (1925-26), *Malaya* (1926-28 dan 1934), *Dewasa* (1931-32) dan *Persahabatan* (1936-37). Penglibatan beliau dalam bidang penerbitan akhbar menjadikan beliau tokoh wartawan penting pada dekad tersebut bersama-sama tokoh wartawan Islah seperti Syed Sheikh Al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Hj. Abbad Mohd Taha. Dalam masa yang sama Mohd Yunus dapat menyesuaikan diri dengan wartawan muda 1930an seperti Othman Kalam, Onn bin Jaafar, Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad.<sup>1</sup>

### Perkembangan Awal Akhbar Melayu

Akhbar berbahasa Melayu yang pertama diterbitkan di Tanah Melayu ialah *Jawi Peranakan* pada tahun 1876. Pejabat penerbitannya ialah di Singapura yang diusahakan oleh peranakan India. Golongan peranakan Cina turut terlibat dalam usaha menerbitkan akhbar berbahasa Melayu bernama *Bintang Timor*. *Bintang Timor* dikeluarkan oleh Jemaah Anak-anak Cina Kristian Singapura pada awal bulan Julai 1894. Bagaimanapun, akhbar berbahasa Melayu yang diterbitkan oleh orang Melayu ialah *Utusan Melayu* pada tahun 1939.<sup>2</sup> Tokoh yang menerbitkan akhbar ini ialah Rahim Kajai yang dipanggil sebagai bapa kewartawanan Melayu. *Utusan Melayu* diterbitkan di Queen Street, Singapura. Sumbangan besar Rahim Kajai ialah kepimpinan beliau telah membentuk ciri-ciri akhbar *Utusan Melayu* iaitu memperjuangkan nusa, bangsa dan agama.

Perkembangan akhbar pesat sekitar tahun-tahun 1930-40an kerana minat membaca dalam kalangan penduduk Melayu. Sehingga tahun 1940-an dicatatkan terdapat hampir 80 buah akhbar dan majalah berbahasa Melayu. Kawasan tumpuan bagi penerbitan ialah di Singapura dan Pulau Pinang yang merupakan negeri-negeri Selat. Kekerapan penerbitan

- 
- 1 Mohd Sarim Hj. Mustajab, *Profile Seorang Wartawan 1920an Mohamed Younus Abd. Hamid*, JEBAT, 1977, hlm. 159-164.
  - 2 Siti Rodziah Nayan, *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 2.

akhbar Melayu tidak tetap antaranya diterbitkan tiga bulan sekali, sebulan sekali, dua minggu sekali atau seminggu sekali.<sup>3</sup> Namun demikian akhbar-akhbar Melayu ini menghadapi cabaran untuk bertahan lama khususnya kekurangan modal, dasar penjajah yang mengongkong dan pemindahan pemodal yang membiayai penerbitan serta ketiadaan tokoh untuk memimpin sesebuah akhbar. Kesemua akhbar Melayu ini mempunyai kakitangan yang terhad. Bagaimanapun kepentingan akhbar pada tahun-tahun 1930 dan 1940-an memuatkan pandangan penduduk dan meniupkan semangat kebangsaan orang Melayu.<sup>4</sup>

Akhbar Melayu memainkan peranan utama mencetuskan kesedaran kepada orang Melayu. Akhbar menceritakan kehidupan dan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Kemudiannya para wartawan akan membincangkan punca-punca kelemahan orang Melayu khususnya mengenai kemunduran orang Melayu dan mengupas masalah yang disebabkan oleh dasar British. Lama kelamaan akhbar telah menjadi medan bagi para wartawan (penulis) dan pembaca bertemu bagi membincangkan masalah yang dilihat mereka. Setiap masalah dikupas secara mendalam dan membina kematangan pembaca mengenai sesuatu masalah yang berlaku. Akibatnya berlakulah perubahan yang besar dalam bidang akhbar Melayu – bilangan pembacanya bertambah, pembaca memberikan pandangan mereka, wartawan yang juga penulis menjadi lebih yakin dan dikenali ramai. Perkembangan kepesatan akhbar Melayu telah menonjolkan tokoh-tokoh wartawan iaitu Onn bin Jaafar, Othman Kalam dan Abdul Rahim Kajai.<sup>5</sup>

## Alam Pekerjaan

Pada tahun 1909 selepas pulang dari Mekah, Rahim Kajai bekerja sebagai penjilid dan pengatur huruf Melayu di Pejabat Cap Kerajaan di Kuala Lumpur. Beliau bekerja selama tiga tahun. Pada tahun 1912-1913 beliau telah berpindah ke Singapura untuk bekerja sebagai pengatur huruf Inggeris dengan Syarikat Malaya Publishing House. Bagaimanapun pada tahun 1913 beliau pulang semula ke Kuala Lumpur bekerja sebagai pelukis pelatih jurutera bangunan untuk beberapa bulan sahaja. Kali ini Rahim Kajai terpaksa ke Mekah menjaga adik tirinya Maryam selepas kematian bapanya pada tahun 1913 dan menggantikan ayahnya sebagai Sheikh Haji serta menyelesaikan urusan harta pusaka ayahnya. Oleh kerana berlakunya Perang Dunia Pertama yang menyebabkan kesukaran mendapatkan kerja, Rahim mengambil keputusan meninggalkan Mekah dan kembali ke Tanah Melayu. Segala urusan haji diserahkan kepada ibu tirinya bernama Arfa.

Rahim Kajai tidak mempunyai latihan khusus untuk menjadi wartawan atau bekerja dalam bidang penerbitan suratkhbar. Inilah salah satu keistimewaan Rahim Kajai yang belajar sambil bekerja untuk menjadi seorang pengarang akhbar. Penglibatan awal Rahim Kajai sebagai seorang pengarang bermula pada tahun 1917, sama tahun berlakunya Perang Dunia Pertama apabila beliau menjadi penulis dalam akhbar *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu* yang diterbitkan di Singapura. Untuk menampung kehidupannya, Rahim Kajai telah menjadi

---

3 Ibid.


4 Ahmad Boestamam, *Memoir Seorang Penulis*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, Kuala Lumpur,

5 W R Roff, *Sejarah Surat2 Khabar Melayu*, Saudara Sinaran Bhd, Pulau Pinang, 1967.

pembantu kedai menjual getah di Setapak. Sekitar tahun 1919-1920 Rahim Kajai memberikan perhatian secara serius untuk menjadi seorang wartawan. Beliau telah menyumbangkan artikel dalam bentuk rencana berkaitan masalah sosial dan keagamaan menerusi akhbar Utusan Melayu dan pembaga Melayu.

Pada tahun 1925, Rahim Kajai kembali semula ke Mekah untuk menguruskan perkhidmatan jemaah haji. Dalam waktu yang sama, beliau turut menjadi wakil akhbar *Idaran (Edaran) Zaman* dan turut mengambil kesempatan menyumbangkan berita yang menarik di Mekah. *Idaran Zaman* akhbar yang diterbitkan di Pulau Pinang, pengarangnya ialah Mohd Yunus Abdul Hamid. Tulisan Rahim Kajai dalam *Idaran Zaman* telah mendapat sambutan hangat pembaca di Tanah Melayu kerana artikel ini memuatkan berita dan rencana berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di kota Mekah. Selepas kematian ibunya, Rahim Kajai kembali ke Tanah Melayu. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1928. Beliau menjadi wakil wartawan *Idaran Zaman* di Kuala Lumpur selama tiga tahun. Rahim Kajai telah membuat keputusan untuk tinggal di Tanah Melayu dan bekerja sebagai wartawan dan pengarang. Rahim Kajai kemudiannya bekerja sebagai wakil akhbar *Saudara* serta menulis rencana dalam akhbar *Saudara* berkaitan ekonomi orang Melayu. Seterusnya Rahim Kajai telah menjadi penulis sambilan dalam akhbar *Idaran Zaman, Saudara dan Malaya*. Penulisan beliau telah dengan cepat membuatkan beliau dikenali ramai khususnya di kalangan pengarang veteran. Oleh itu sebaik sahaja berlaku kekosongan penolong pengarang pada tahun 1930 di dalam akhbar *Saudara*, Rahim Kajai adalah calon sesuai untuk mengisi jawatan berkenaan.

Rahim Kajai mendapat banyak pengalaman sebagai editor akhbar. Sewaktu berada di Pulau Pinang, beliau telah menyusun 3 volume Hikayat Dzul Ruhaini.<sup>6</sup> Usaha ini mendedahkan beliau dengan pengalaman sebagai editor.



Lukisan Wajah Syed Sheikh Al Hadi

6 *The Straits Times*, 1 April 1982

## Pengarang *Saudara*

Kebolehan Rahim Kajai dalam bidang penulisan telah memberikan peluang kepada beliau untuk mengembangkan bakatnya. Ketika berada di Mekah pada tahun 1924 beliau telah menjadi wakil wartawan bagi *Utusan Melayu*. Sekitar akhir tahun 1920-an bakat penulisan sudah dikagumi ramai, menjadikan beliau menjadi rebutan ahkbar-akhbar Melayu. Kebolehan menguasai tiga bahasa iaitu Melayu, Arab dan Inggeris menjadi kelebihan kepada Rahim Kajai. Dalam bulan Ogos 1930, Rahim Kajai telah dilantik menjadi Pengarang akhbar *Saudara* yang diterbitkan di Pulau Pinang.<sup>7</sup> Bakat kewartawan dan kepengarangan beliau dikatakan semakin cemerlang sewaktu beliau bertugas di ahkbar *Saudara* kerana berkesempatan bekerja bersama Syed Sheikh Al-Hadi, seorang wartawan ternama yang juga merupakan seorang ulama yang disegani. Syed Sheikh Al-Hadi menggerakkan gerakan Islah yang mendapat sokongan ramai daripada golongan muda. Perbincangan fahaman Islah menuntut orang Melayu untuk “bangun dari tidur” dengan maksud tidak lagi boleh berpegang kepada fahaman tradisional.

Pengalaman bekerja dengan Syed Sheikh Al-Hadi adalah perkara penting dalam melakar kecermelangan kerjaya Rahim Kajai.<sup>8</sup> Tulisan Syed Sheikh Al-Hadi tidak dipersetujui oleh Za’ba kerana menganggap Al-Hadi seolah-olah menghasut orang Melayu supaya bangun melawan pemerintah Inggeris. Walaubagaimanapun penulisan Al-Hadi yang berani dan tajam membela kepentingan orang Melayu dan Islam diakui oleh Za’ba;

Dalam masa akhbar ‘Saudara’ itu dalam tangan pengasas dan pengarangnya Assayed Sheikh Al-Hadi yang kematiannya didukacitai oleh am, maka ‘Saudara’ keras dan pengulas yang berani terhadap kehidupan orang-orang Melayu. Ia juga sering mengalakkan perubahan-perubahan bagi para Muslimin.<sup>9</sup>

Syed Sheikh Al-Hadi adalah merupakan pelopor bidang kewartawan di Tanah Melayu yang telah memelopori penulisan akhbar. Beliau banyak menumpukan perhatian terhadap soal-soal kemasyarakatan dan dikaitkan dengan soal agama Islam. Ketajaman penulisannya memberi kesan kepada pembaca. Beliau juga dianggap seorang jurubina kemajuan orang Melayu. Tulisannya ditujukan bagi pembangunan orang Melayu telah banyak meninggalkan kesan. Oleh itu penulisan beliau adalah berlandaskan kepada soal etika dan disiplin kewartawan yang betul, baik dan membina masyarakat berlandaskan kepada ajaran agama Islam. Rahim Kajai merupakan tokoh yang menyambung tradisi lama yang diperkenalkan oleh Syed Sheikh Al-Hadi dengan memperkenalkan konsep moden dalam

---

7 *Saudara* diterbitkan oleh Syed Sheikh Ahmad al-Hadi pada 29 September 1928 dan bertahan sehingga tahun 1941. Syed Sheikh Al-Hadi dilahirkan di Melaka pada tahun 1867 dan meninggal dunia pada Februari 1934. Satu lagi sumbangan besar Al-Hadi ialah memperkenalkan cerita-cerita moden dalam bentuk novel. Ringkasnya Al-Hadi dianggap sebagai reformis, ahli fikir dan novelis progresif.

8 Ahkbar yang pernah dipimpin oleh Syed Sheikh Al-Hadi ialah Al-Imam, Al-Ikhwan dan akhbar mingguan *Saudara* yang kesemuanya berasaskan kepada ajaran Islam. Dalam usaha beliau menyiarkan pandangan beliau yang berani dan pedas tidak disenangi oleh pihak berkuasa menyebabkan beliau disiasat polis atas tuduhan menghasut. Namun atas kebijaksanaan beliau menjawab soalan polis, beliau diberikan amaran sahaja.

9 Kenyataan ini diberikan oleh Za’ba melalui ucapan beliau sewaktu program bertajuk *Persuratan Akhbar-akhbar Malaya* pada bulan Mac 1940. Sila rujuk *Warta Malaya* 10 Mac 1940.

penulisan akhbar. Pengaruh Syed Sheikh Al-Hadi adalah besar kepada beliau sehinggakan beliau telah menghasilkan tiga jilid novel terjemahan berjudul *Hikayat Dzul-Ruhain*.<sup>10</sup>

Peranan Rahim Kajai dalam akhbar *Saudara* adalah begitu berkesan. Rahim Kajai telah mengkritik akhbar golongan Kaum Tua seperti *Lidah Benar* berkaitan isu taklid. Beberapa artikel beliau yang mengkritik Kaum Tua telah dikeluarkan seperti “Persidangan atau Perbahasan di antara Kitab Allah dan Sunnah Rasul dengan kitab al-Ulama dan Fahamannya”<sup>11</sup> Rahim Kajai turut mengkritik dan menyindir pengarang *Lidah Benar*. Kritikan Rahim Kajai terhadap Kaum Tua adalah keras. Antaranya menganggap akhbar Kaum Tua sebagai “mempunyai pekerjaan memfitnah pekerjaan orang Melayu.”

Contoh akhbar *Saudara*



Sewaktu berada bersama akhbar *Saudara*, penulisan Rahim Kajai adalah dalam soal agama dan masyarakat. Beliau yang terlalu menumpukan perhatian dalam penulisan mengenai hukum Sunnah dan ibadah, talkin, talfaz dan bahניה menyebabkan terdapat pembaca yang mengkritik Rahim Kajai yang dianggap membuang masa dan masih dalam pemikiran lama.<sup>12</sup> Walaupun dikritik, Rahim Kajai berpegang kepada prinsip bahawa sebarang apapun yang dilakukan di dunia mestilah berpegang kepada peraturan atau hukum agama Islam. Bagaimanapun, *Saudara* kemudiannya memainkan peranan penting memberikan fokus kepada isu kemajuan dan perusahaan yang diceburi oleh orang Melayu.

10 Md Salleh Md. Gaus, “Abdul Rahim Kajai dengan keunggulan Politik Melayu dan Kemajuan Ekonomi Melayu”, *JEBAT*, hlm. 51.  
11 *Saudara*, 8 November 1930.  
12 *Majlis*, 17 Disember 1931.

Akhbar *Saudara* menarik ramai pembaca kerana laporan yang dimuatkan diterima oleh mereka. Para pengarangnya berpandangan jauh dengan cara cuba membawa pembaca memikirkan apakah yang akan terjadi dalam bidang ekonomi dan pendidikan pada masa hadapan bagi orang Melayu. Rahim Kajai telah menjadi penolong pengarang pada 15 Mac 1930 dan kemudiannya dilantik menjadi pengarang pada 30 Ogos 1930. Sewaktu bertugas di akhbar *Saudara*, terdapat empat jawatan utama di dalam akhbar berkenaan iaitu Penerbit (dipegang oleh Syed Alwi Syed Sheikh al-Hadi), Pengerusi (Mohd Said Haji Abu Bakar), Pengarang (Rahim Kajai) dan kerani (Said Arshad). Pada ketika Rahim Kajai bekerja di *Saudara* terdapat liputan meluas mengenai berita dan juga bertambah meningkatnya ruangan pembaca. Ruangan pembaca memberi peluang kepada masyarakat untuk berinteraksi dengan pengarang serta memberikan pandangan dan teguran secara terbuka. Ketika Rahim Kajai memimpin akhbar *Saudara*, penerbitan akhbar ini mencapai jumlah 1,500 naskah. Akhbar *Saudara* telah tersebar bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi juga Sarawak, Sabah, Siam, Indochina, Kalimantan, Selatan Thailand, Pulau Jawa, Pulau Labuan, Sumatra, Sulawesi, Mesir, Hijaz dan London.<sup>13</sup>


Kecenderungan Rahim Kajai untuk menulis dalam bidang keagamaan bukanlah satu fenomena luar biasa. Pada tahun-tahun 1920-an masih kurang wartawan yang menulis dalam bidang politik dan sosio-ekonomi kerana kurangnya pendedahan dan latihan. Tumpuan wartawan adalah menulis rencana mengenai polemik (pertentangan) di antara Kaum Tua dan Muda. Kaum Tua ialah kumpulan ulama yang berpegang kepada nilai dan tradisi keagamaan lama berasaskan ajaran yang diperolehi lama. Manakala Kaum Muda pula ialah kumpulan ulama yang berfahaman moden yang menerima ajaran yang disampaikan oleh kumpulan pembaharuan di Timur Tengah khususnya di Mesir yang dibawa oleh Syed Muhammad Abduh dan Rasyid Rida. Kumpulan Muda mendapat sokongan kuat daripada kumpulan orang muda di Tanah Melayu dan memperjuangkan pembaharuan dalam pendekatan kepada agama Islam. Polemik yang berlaku adalah mengenai dalam bidang agama Islam berkaitan soal-soal fiqah.

Selaku Pengarang di dalam akhbar *Saudara*, Rahim Kajai meneruskan usaha yang dilakukan oleh Syed Sheikh Hadi. Rahim Kajai mempunyai kelebihan apabila membawa pembaca mengenai soal yang berlaku di kalangan penduduk Melayu. Antara artikel yang ditulis oleh Rahim Kajai bertajuk “Pemandangan di atas Kemunduran orang Melayu (3 Mei 1930). Selain itu, Rahim Kajai mengajak pembaca mengenai kepentingan pendidikan Inggeris melalui artikelnya bertajuk “Pelajaran Inggeris di Sekolah Melayu” (7 Mac 1931). Artikel mengenai perkara yang sama disambung pada 21 Mac bertajuk “Rintisan Fikiran atas Perjalanan Pelajaran anak-anak Melayu di Sekolah Melayu”.

Rahim Kajai juga mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dan berusaha menarik pembaca untuk bersikap seperti beliau. Sewaktu bekerja dengan akhbar *Saudara*, Rahim Kajai telah menulis lebih sebanyak lima buah rencana yang memperkatakan mengenai sosioekonomi orang Melayu. Empat daripada rencana tersebut ditulis secara bersiri bertajuk “Pemandangan Atas kemunduran orang Melayu, manakala selebihnya rencana agama bertajuk “Kaum Muda ditaubatkan di Mekah tahun 1343.”

---

13 *Saudara*, 7 Jun 1930.



Muhammad Abduh (1849-1905)

### Pengarang *Majlis*

Rahim Kajai kemudiannya telah meletakkan jawatan daripada akhbar *Saudara* dan menjadi Ketua Pengarang pertama bagi akhbar *Majlis* yang diterbitkan di Kuala Lumpur dalam bulan Disember 1931. Usaha utama Rahim Kajai adalah untuk menjadikan *Majlis* sebagai akhbar harian tetapi gagal. Rahim Kajai telah memainkan peranan utama mendaulatkan Bahasa Melayu. Beliau telah mencipta perkataan baru atau mengambil daripada perkataan berbahasa Inggeris untuk digunakan di dalam Bahasa Melayu seperti radio yang asalnya disebut tetuang udara dan basikal yang disebut oleh orang Melayu sebagai “kereta lereng”.

Sewaktu berada di dalam akhbar *Majlis*, Rahim Kajai fokus kepada soal ekonomi dan politik yang melanda orang Melayu. Rahim Kajai melancarkan slogan ‘Perkhabaran, Persatuan, Fikiran, Perniagaan Melayu’ dengan menjadikan *Majlis* sebagai platform perbincangan dan interaksi dalam kalangan pembaca. Dengan cara ini ia memberi ruang kepada masyarakat khususnya orang Melayu untuk menyuarakan pandangan secara terbuka membicarakan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu apatah lagi kekusaran masa depan masyarakat Melayu yang ketinggalan dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Langkah Rahim Kajai menjadikan *Majlis* sebagai tumpuan ramai masyarakat Melayu kerana beliau membuka akhbar ini menjadi saluran bertukar pandangan melalu ruang suara Pengarang. Ia juga memberi peluang kepada golongan berpendidikan melihat perkembangan di luar negara. Satu kejayaan usaha Rahim Kajai ialah orang Melayu menerima masalah kemunduran mereka dalam bidang ekonomi seterusnya terlahirlah kesedaran perlu adanya solidariti dalam kalangan orang Melayu yang mencipta kepada satu konsep bangsa.

Menjelang keluaran 21 Disember 1933, Rahim Kajai, dengan menggunakan nama samaran Si Luncai menulis ruangan pojok dalam setiap keluaran *Majlis* dibawah tajuk Macam-Macam. Ruangan ini memberi peluang kepada beliau untuk memberikan pandangan mengenai keadaan orang Melayu. Penulisan beliau mendapat perhatian pembaca, kerana secara tidak langsung menjelang tahun 1930an sudah ramai orang Melayu yang mempunyai pendidikan dan pekerjaan bergaji tetap yang menjadikan ahbar sebagai sumber berita utama.

Rahim Kajai begitu komited dengan tugasnya untuk memberi kefahaman kepada orang Melayu. Beliau menjalankan kerja-kerja kewartawan dengan penuh etika walaupun tanpa pembantu khas. Tugas ini terbawa-bawa oleh Rahim Kajai walaupun beliau sakit dan terlantar di hospital.



Muka Depan Akhbar *Majlis*

### Menyertai Akhbar *Warta Malaya*

Kesungguhan Rahim Kajai untuk memajukan akhbar Melayu adalah bagi menarik lebih ramai pembaca mengetahui perkembangan yang berlaku di dalam dan luar negara. Melalui kesedaran ini orang-orang Melayu dapat memajukan diri dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Kepesatan perkembangan akhbar di Singapura telah membawa minat Rahim Kajai untuk bekerja di Singapura. Beliau kemudiannya berpindah ke Singapura untuk menyertai *Warta Malaya* pada Februari 1935 dimiliki oleh Syed Husin Al-Sagof seorang usahawan percetakan yang terkenal di Singapura. Syed Husin ini juga menerbitkan akhbar mingguan bernama *Warta Ahad* dan diikuti oleh *Warta Jenaka*. Penerbitan kesemua akhbar ini mendapat permintaan ramai menyebabkan pasaran akhbar ini menguntungkan. Disamping itu ia turut mendapat pembaca daripada golongan pentadbir kolonial. H.R. Cheeseman, Nazir Sekolah pernah menulis dalam dalam bahagian pengenalan *Warta Jenaka*:

*I have been reading the Warta Malaya daily since its inception, even when I was on leave in England or holding office in the Malay States. If I am asked what change has been most beneficial to the Malay community during the last ten years I would certainly say it is the establishment of Warta Malaya.*

Saya telah membaca *Warta Malaya* setiap hari sejak penubuhannya, walaupun ketika saya sedang bercuti di England atau memegang jawatan di Negeri-Negeri Melayu. Jika saya ditanya apakah perubahan yang paling menguntungkan masyarakat

Melayu selama sepuluh tahun kebelakangan ini saya pasti akan mengatakan ia adalah penubuhan *Warta Malaya*.<sup>14</sup>

Dalam bulan Disember 1936 Rahim Kajai telah diberikan kepercayaan oleh Syed Husin untuk menjadi pengarang cerita pendek, cerita jenaka dalam penerbitan barunya iaitu *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka*. Perlantikan ini adalah berdasarkan pengalaman dan prestasi beliau sebagai seorang wartawan. Oleh itu Rahim Kajai menggunakan cerita pendek yang disiarkan di dalam akhbar ini untuk menarik minat pembaca. Penguasaan dalam bahasa Arab, Melayu dan Inggeris memberi kelebihan kepada Rahim Kajai serta berpegang kepada etika kewartawan terutama memelihara dan menjaga sepenuhnya nama baik akhbar pekerjaannya.<sup>15</sup>



Muka Depan Akhbar *Warta Malaya*

*Warta Malaya* dianggap sebuah akhbar yang luas skop penulisannya pada masa itu. Akhbar ini memuatkan berita tempatan dan luar negara yang telah memberikan informasi kepada pembaca mengenai perkembangan peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka. Kewujudan sekolah sekolah Melayu telah menambahkan jumlah bilangan pembaca. Oleh kerana jumlah akhbar yang ada adalah terhad, maka *Warta Malaya* telah menjadi bahan bacaan utama masyarakat pada ketika itu.<sup>16</sup> Rahim Kajai menjadikan ahkbar *Warta Malaya* untuk membangkitkan semangat nasionalisme orang Melayu. Tugas *Warta Malaya* seperti ditegaskan Rahim Kajai dalam semangat nasionalisme ialah membenteng fikiran orang Melayu untuk berkongsi soal semangat nasionalisme serta menyampaikan tuntutan orang Melayu kepada kerajaan. Isu utama yang dibawa oleh Rahim Kajai ialah membincangkan masalah dan kemajuan orang Melayu supaya diketahui oleh kerajaan.

14 *Warta Jenaka*, 10 September 1936.  
 15 *Warta Malaya*, 7 Disember 1936.  
 16 Zulkifli Mahmud, *Warta Malaya Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor Press, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 103.

*Warta Malaya* menerima ramai pembaca kerana akhbar ini amat menarik dan mudah dibaca. Persembahan akhbar ini menarik kerana kebolehan pengarangnya terutama Rahim Kajai yang mengemudi dengan baik. Ia memuatkan soal yang menjadi realiti dan memberi ruang kepada pembaca untuk memberikan maklum balas mereka khususnya oleh orang Melayu mengenai masalah yang dihadapi oleh kaum mereka. Ada pembaca yang mengatakan;

*I never let a day pass without reading it. I regard the Warta Malaya, in its news service and in its special articles, that are both numerous and well written, as ranking with the English papers in the Colony. That is high praise but it is well deserved.*<sup>17</sup>

Tumpuan utama semangat orang Melayu dalam tahun-tahun 1930an tertumpu kepada kesedaran politik dan kemunduran ekonomi yang menentang pemerintahan kolonial.<sup>18</sup> Penentangan terhadap dasar kolonial yang menyebabkan orang Melayu jauh ketinggalan, antaranya dasar membawa pekerja asing, membenarkan penguasaan ekonomi oleh bukan Melayu. Kesedaran ini tidak menentang pemerintahan tradisional sebaliknya menuntut penglibatan orang Melayu dalam pentadbiran termasuk pendidikan.

Rahim Kajai menghormati Syed Hussain yang sentiasa memberikan layanan baik kepada beliau. Jika kita bercakap bagaimana P. Ramlee disayangi oleh syarikatnya, begitulah juga Rahim Kajai. Beliau diberikan gaji yang tinggi, diberikan kemudahan rumah percuma di Geyland Road, Singapura. Dari semasa ke semasa Rahim Kajai sering bertemu dengan Syed Hussain berbincang berkenaan pekerjaan beliau. Malahan kerjasama yang baik yang diberikan oleh kakitangan akhbar *Warta Malaya* membolehkan akhbar ini mendapat sambutan masyarakat terutamanya sekitar tahun 1936 hingga 1938.

### **Pengarang *Utusan Melayu***

Usaha untuk orang Melayu memainkan peranan utama dalam bidang penerbitan didorong oleh kesedaran kebangsaan. Akhir tahun 1930an memperlihatkan usaha yang lebih aktif bagi orang Melayu bergerak secara organisasi dalam gerakan memberi kesedaran kebangsaan. Ahli-ahli Kesatuan Melayu Singapura (KMS) antara yang kuat dalam gerakan ini kerana mereka mempunyai ahli-ahli daripada golongan wartawan, ahli perniagaan dan cerdik pandai. Pada tahun 1938, ahli-ahli KMS mengadakan perbincangan menghasilkan satu usaha diketuai oleh Yusof Ishak wartawan di *Warta Malaya* untuk menubuhkan akhbar kebangsaan yang dimiliki, dibiayai dan pekerja daripada orang Melayu. Maka lahirlah akhbar *Utusan Melayu* yang memecahkan penguasaan akhbar *Jawi Peranakan* (yang ditubuhkan semenjak 1876) yang dijalankan oleh keturunan Arab dan *Jawi Peranakan*.<sup>19</sup> Di peringkat awal *Utusan Melayu* menghadapi cabaran dalam keperluan memiliki seorang Pengarang yang dapat mengemudikan akhbar dan mencapai dua objektif utama. Pertama menggerakkan kesedaran kebangsaan dan kedua, diuruskan oleh orang Melayu. Justeru itulah Rahim Kajai menjadi pilihan untuk menerajui *Utusan Melayu*. Rahim Kajai tidak berhenti secara mendadak daripada *Warta Malaya*. Sebelum berhenti dari *Warta Malaya*, Rahim Kajai telah mengambil

17 *The Straits Budget*, 23 January 1936

18 Rustam Sani, *Social Roots of the Malay Left*, SIRD, Petaling Jaya, 2008, hlm. 15

19 William Roff, *Malay Nationalism*, hlm. 174.

cuti selama seminggu untuk ke Kuala Lumpur dengan tujuan mencari pengganti beliau di *Warta Melayu*. Usaha beliau berjaya apabila Osman Kalam pada ketika itu Pengarang *Majlis* bersetuju menggantikan beliau. Selepas mendapat pengganti barulah beliau berhenti secara rasmi daripada menjadi Pengarang *Warta Melayu*.

Kemuncak kerjaya Rahim Kajai apabila beliau menjadi Pengarang akhbar *Utusan Melayu* pada tahun 1939 yang diterbitkan di Singapura. *Utusan Melayu* diilhamkan daripada keperluan orang Melayu menyertai bidang ekonomi. Akhbar ini dimiliki oleh Kesatuan Melayu Singapura (KMS) merupakan syarikat akhbar pertama yang dibiayai, ditadbir dan diterbitkan oleh orang Melayu.<sup>20</sup> Ia merupakan satu kejayaan besar yang ditunjukkan melalui penubuhan *Utusan Melayu* kepada orang Melayu. Rahim Kajai menerima lamaran kerja daripada Yusof Ishak untuk bekerja di *Utusan Melayu* yang merupakan akhbar yang dimiliki oleh orang Melayu. Rahim Kajai sanggup menerima jawatan ini walaupun tidak menerima gaji yang lumayan dan kemudahan rumah percuma, semata-mata kerana mahu bekerja di syarikat orang Melayu. Kesanggupan Rahim Kajai berkerja di *Utusan Melayu* kerana personaliti kuat dan kepimpinan seiring dengan tujuan akhbar ini ditubuhkan. Jawatan ini dipegang oleh beliau selama tiga tahun sehinggalah kedatangan tentera Jepun pada tahun 1941.

Sewaktu bekerja di *Utusan Melayu*, Rahim Kajai kehilangan banyak keistimewaan sepertimana yang diberikan oleh *Warta Melayu*. Beliau menerima gaji yang kecil tanpa kemudahan rumah. Rahim Kajai terpaksa menyewa rumah di Sian Lin Park, Singapura. Kesanggupan Rahim Kajai ini dianggap sebagai pengorbanan beliau dalam memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu. Beliau mempelbagaikan bentuk pengisian akhbar sesuai dengan selera pembaca. Secara beransur-ansur akhbar *Utusan Melayu* mendapat sokongan masyarakat. Menjelang bulan November 1939 akhbar mingguan *Utusan Zaman* diterbitkan dengan kandungan yang menarik perhatian pembaca berupa rencana, cerpen dan puisi. *Majalah Mastika* merupakan majalah pertama yang diterbitkan oleh Utusan pada 1 Jun 1941 dengan Rahim Kajai sebagai pengarang. Majalah ini dalam tulisan jawi memuatkan pelbagai artikel dan cerpen.<sup>21</sup> Rahim Kajai adalah perintis dalam bidang penulisan cerpen sebelum Perang Dunia Kedua yang kemudiannya menjadi popular dalam kalangan penulis Melayu.



Muka depan majalah *Mastika*  
Sumber: Arkib Negara Malaysia

20 William Roff, *Malay Nationalism*, hlm. 65

21 Apabila syarikat Utusan Melayu berpindah ke Kuala Lumpur pada 1958, *Mastika* kemudian diubah kepada tulisan rumi.

Kehadiran Rahim Kajai sebagai pengarang *Utusan Melayu* adalah berdasarkan kebolehan beliau dalam bidang kewartawanan. Rakan-rakan seangkatan beliau seperti Ishak Haji Muhammad, Haji Mohammad Salleh Haji Awang, Haji Mohd. Yusof Ahmad, Haji Abdul Samad Ahmad, Ramle Tahir, Mohammad Haji Zain, Ahmad Nur Abd. Shukor dan Arifin Ishak mengakui Rahim Kajai adalah wartawan yang mahsyur dan dihormati. Kebolehan Rahim Kajai ini menyebabkan beliau digelar Bapa Wartawan Melayu dalam kalangan wartawan sekitar tahun 1930an. Kebolehan luar biasa Rahim Kajai sehinggakan Ishak Haji Muhammad meletakkan beliau sebagai seorang wartawan Melayu yang sejati serta kanan sekali di Alam Melayu.<sup>22</sup> Selanjutnya Ishak Haji Muhammad mengatakan;

“(Rahim) Kajai sentiasa menunjuk ajar, menegur dan memberi saya berbagai petua berkenaan dengan pekerjaan wartawan. Dalam ilmu terjemah menterjemah, juga saya mendapat banyak bantuan daripadanya kerana ia sungguhpun tidak bersekolah Inggeris, tetapi fahamannya dalam bahasa itu adalah lebih dari saya”.<sup>23</sup>

Rahim Kajai juga tidak kedekut ilmu kerana bersedia memberi tunjuka ajar, memberi teguran dan pelbagai nasihat kepada wartawan muda yang bekerja di bawah beliau. Antara mereka yang pernah bekerja di bawah asuhan Rahim Kajai ialah Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestman yang menjadi tokoh yang banyak menerima bimbingan beliau. Tulisan Rahim Kajai yang kritikal terhadap adat lapuk telah mempengaruhi Ishak Haji Muhammad untuk mengembangkan topik ini.

Penyertaan Rahim Kajai menyertai *Utusan Melayu* dari akhbar *Saudara* (1930-1), *Majlis* (1931-5) dan *Warta Malaya* (1935-9) menerima perhatian daripada orang Melayu yang mempunyai semangat kebangsaan. Ini juga dikaitkan dengan isu-isu yang dikaitkan oleh Rahim Kajai terutamanya politik dan ekonomi adalah perkara yang menjadi realiti kepada orang Melayu. Keberanian beliau mengkritik dan membangkitkan ketinggalan orang Melayu telah membangkitkan kesedaran terutama dalam kalangan golongan muda yang berada di Tanjung Malim, Kuala Lumpur dan Singapura. Menariknya, latarbelakang Rahim Kajai itu sendiri menjadikan beliau dihormati masyarakat serta memberi kelebihan kepada beliau sendiri. Pada peringkat awal penglibatan kewartawan Rahim Kajai memberi tumpuan kepada isu-isu agama dan sosial yang membawa kepada perdebatan hangat dalam kalangan orang Melayu. Seterusnya melahirkan golongan baru yang dikenali sebagai Kaum Muda yang mempromosikan pembaharuan dalam agama Islam. Pembaharuan yang dimaksudkan lebih kepada pemikiran dan keterbukaan agama Islam isu-isu yang sebelum ini melilit pemikiran dan amalan mereka.

Apabila Perang Dunia Kedua berlaku, Rahim Kajai telah menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke Kuala Lumpur. Beliau telah mengambil cuti yang agak lama untuk menguruskan perpindahan keluarganya dari Setapak ke rumah kakaknya di Gombak. Bagaimanapun apabila berlaku kemaraan pasukan tentera Jepun ke Tanah Melayu, Rahim Kajai membuat keputusan untuk tidak pulang ke Singapura.

Sewaktu pendudukan tentera Jepun, beliau telah diarahkan oleh pemerintah Jepun untuk menjadi Pengarang akhbar *Perubahan Baharu* di Kuala Lumpur dengan keluaran

22 Ishak Haji Muhammad, Tiga Tahun di Singapura”, *Utusan Zaman*, 5,12, 19, 26 Oktober 1940.

23 Tulisan Ishak Haji Muhammad dalam akhbar *Utusan Melayu* 5,12,19 dan 26 Oktober 1940.

pertama pada 11 Januari 1942. Di *Perubahan Baharu*, Rahim Kajai telah mendapat gaji harian tetapi gajinya tidak tetap kerana bergantung kepada pendapatan jualan hariannya. Selepas itu beliau pergi ke Singapura untuk memulakan penerbitan akhbar *Malai Shimbun Sya* (Berita Malai).<sup>24</sup> Rahim Kajai telah bersetuju membantu Haji Othman Abdullah dan Dahlan Mas'ud menerbitkan akhbar di Pejabat Selangor Press.

Kewibawaan Rahim Kajai sebagai wartawan ulung mendapat perhatian pihak tentera Jepun apabila beliau dihantar menghadiri satu perjumpaan dan mesyuarat dengan wartawan Sumatra dan Malaya di Singapura. Beliau dipilih sebagai jurucakap bagi pihak wartawan yang hadir dengan pihak pemerintah Jepun. Walaupun dilantik menjadi pengarang *Berita Malai* namun pada ketika ini, kesihatan Rahim Kajai tidak mengizinkan beliau bekerja. Rahim Kajai diserang sakit jantung pada bulan Julai 1943 menyebabkan beliau terpaksa berhenti bekerja. Beliau berusaha berubat selama lima bulan. Bagaimanapun penyakitnya semakin mudarat. Rahim Kajai meninggal dunia pada 5 Disember 1943. Kematian Rahim Kajai meninggalkan legasi sebagai tokoh wartawan dan sastrawan yang mahsyur. Beliau meninggalkan wartawan muda sebagai pewarisnya seperti A. Samad Ahmad, A. Samad Ismail dan Dahlan Mas'ud.

Untuk melihat sumbangan serta jasa A Rahim Kajai, kita harus kembali ke periode 1925-1941, di mana periode itu menyerlahkan kebitaraannya yang sebenar dalam bidang kesusasteraan dan kewartawanan Melayu moden.<sup>25</sup>

Pada peringkat awal terlibat dalam bidang kewartawanan, Rahim Kajai menulis rencana, berita semasa dan mengendalikan rencana pengarang akhbar. Rencana yang ditulis beliau adalah berkaitan kemasyarakatan yang menyentuh soal keagamaan. Rahim Kajai juga diiktiraf sebagai penulis cerita pendidik yang mengandungi penampilan dan karektor khas. Beliau telah menulis 48 cerita pendek dalam tahun 1930an dan 1940an. Antaranya Rafeat-Rafeah, Hamidon-Hamidah dan Naimah dan Naimuddin. Rahim Kajai turut menghasilkan 3 antologi cerita pendek iaitu – Banyak Udang Banyak Garam; Lain Padang Lain Belalang dan Pesaka Kajai. Ketiga-tiga antologi ini membuktikan Rahim Kajai sebagai penulis yang berkaliber. Peranan Rahim Kajai dalam kesusasteraan Melayu dan kewartawanan berkait dengan semangat nasionalisme Melayu. Beliau adalah orang Melayu pertama yang menulis mengenai isu asas mengenai orang Melayu. Penulisannya terus dan tepat tetapi kadang kala lucu. Beliau menggunakan nama Abdul Rahim bin Salim, Pak Lacok dan Wak Ketok. Rahim Kajai juga berperanan penting memperkenalkan istilah baru, antaranya wartawan, pemberita, penulis berita, pengkhabar dan penyampai berita.<sup>26</sup>

Samad Ismail meletakkan Kajai sebagai “*A Giant of his time*”. Dari sisi lain Rahim Kajai mempaunyai kelebihan kerana memahami peranan wartawan dalam suratkhbar moden. Beliau bukan pengarang yang hanya pandai menulis dalam sebuah bilik sahaja. Rahim Kajai keluar mencari berita dan menulis berita. Samad melihat sumbangan besar Rahim Kajai dari segi membina keintelektualan orang Melayu, sepertimana katanya,

24 Ismail Hussain, “Abdul Rahim Kajai” *Dewan Bahasa*, Disember 1959; Ramli Leman Soemowidagdo, “Haji Abdul Rahim kajai”, *Dewan Sastera*, April 1972; Ali Haji Ahmad, “Ringkasan Hidup Abdul Rahim Kajai, Ketua Pengarang Malai Shimbun Sya”, *Dewan Bahasa*, Mac 1959.

25 Anwar Ridhwan, “Legasi Kewartawanan A Rahim Kajai”, Disember 2012.

26 *The Straits Times*, 1 April 1982.

“Kajai telah memberi sumbangan yang terbesar terhadap perkembangan intelektual Melayu dengan tidak putus-putus terhadap pembaharuan dan kemajuan bangsanya.”



Utusan Melayu

**Minat dalam Soal Politik**

Walaupun menumpukan penulisan dalam soal keagamaan, namun Rahim Kajai sudah mula menanamkan minat beliau dalam soal politik sejak tahun 1926. Pada ketika ini beliau yang berada di Mekah telah memohon menjadi ahli Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Bagaimanapun permohonannya telah ditolak kerana beliau tidak dilahirkan di Singapura.<sup>27</sup> Kesatuan Melayu Singapura adalah persatuan politik yang pertama ditubuhkan pada 14 Mei 1926 dengan Mohammad Eunos Abdullah sebagai Presiden pertama. Asalnya, KMS ini ditubuhkan sebagai organisasi yang menyokong perantukan Eunos sebagai orang Melayu pertama dilantik menjadi ahli dalam Majlis Perundangan Negeri Selat pada tahun 1924.<sup>28</sup> Minat Rahim Kajai untuk menyertai KMS kerana bentuk organisasi ini yang dipimpin oleh pemimpin yang berlatarbelakang pendidikan Inggeris yang merupakan wartawan, pegawai kerajaan, peniaga dan juga mereka yang berpegang kepada pendidikan tradisional, sekular dan keagamaan.<sup>29</sup> KMS memperjuangkan soal-soal sosio-ekonomi orang Melayu khususnya

27 William Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Singapore, 1967, hlm. 170.  
28 C.M. Turnbull, *A History of Modern Singapore, 1819-2005*, Singapore University Press, Singapore, hlm, 155.  
29 Roff, hlm. 192.

mengenai peluang pendidikan tinggi kepada generasi muda. Kelahiran KMS dianggap sebagai titik mula kepada sikap orang Melayu dalam politik di Tanah Melayu yang menjadi perintis kepada penubuhan organisasi befahaman politik di negeri-negeri Melayu.<sup>30</sup>

Rahim Kajai merupakan tokoh penting melahirkan konsep *bangsa Melayu* ketika beliau bertugas di *Utusan Melayu*. Ia gagasan dengan menggunakan takrif Melayu sebagai satu kumpulan besar orang-orang yang mempunyai budaya yang sama di kawasan Alam Melayu. Rahim Kajai mencipta satu definisi yang menggabungkan orang Melayu dalam jiwa dan pemahaman kontekstual. Rahim Kajai memberi takrif Melayu terdiri daripada penduduk asal di gugusan Pulau Melayu atau alam Melayu seperti Pulau Jawa, Bugis, Madura, Boyan dan sebagainya. Ia sebagai usaha penting melahirkan kebangsaan Melayu yang menjadi asas kepada perjuangan nasionalisme orang Melayu tanpa mengira sempadan negeri sedia ada. Menariknya takrif Melayu oleh Rahim Kajai berdasarkan identiti kaum yang berada dalam kawasan Nusantara berdasarkan dua kaedah. Kaedah pertama yang dilahirkan oleh KMS yang diambil daripada definisi kerajaan kolonial yang meletakkan pelbagai kaum dalam katogori Melayu. Satu lagi kaedah ialah melalui pengalaman Rahim Kajai dan rakan-rakannya mereka adalah keturunan orang dari Nusantara yang disebut Melayu Dagang atau other Malay. Kumpulan ini berkait dengan orang Melayu tempatan melalui perkahwinan. Takrifan Melayu oleh Rahim Kajai suatu yang berani, malahan Samad Ismail menganggap sebagai suatu yang radikal.<sup>31</sup> Takrif Melayu oleh Rahim Kajai mendapat penerimaan yang sangat hebat daripada masyarakat yang terlibat. Ianya menjadi penggerak kepada gerakan nasionalime di Tanah Melayu.

Dalam masa yang sama beliau menggunakan karektor Wak Ketok dalam penulisan rencananya. Karikatur Wak Ketok lahir serentak edisi pertama akhbar *Utusan Zaman* terbitan 5 November 1939 menjadi popular dalam kalangan pembaca sekitar tahun 1930an dan 1940an. Rahim Kajai menulis rencana berdasarkan ilustrasi yang disediakan oleh Ali Sanat. Karektor ini dalam intrepetasi sebagai sebuah karektor yang menggabungkan perbuatan yang mengetuk atau menggegarkan pemikiran orang Melayu. Ini juga dapat dikaitkan dengan sikap orang Melayu melalui pelbagai peribahasa Melayu.

Bagai pahat dengan penukul  
Sekali diketuk sekali bergerak



Ali Sanat

30 Raden Soenarno, "Malay Nationalism, 1896-1941", *Journal of Southeast Asian History*, 1(1), hlm. 156.

31 A. Samad (1991: 122).

Ada juga pendapat yang mengaitkan Wak Ketok watak yang mewakili kehidupan orang Melayu di bandar sekitar 1930an.<sup>32</sup> Wak Ketok sebuah watak komik dengan berpakaian orang Jawa iaitu blangkon, capal dan kain sarung. Ada kalanya Wak Ketok berpakaian ala Arab atau Jawi Peranakan. Karikatur Wak Ketok akan diiringi dengan artikel yang mengulas isu tertentu mewakili orang Melayu.



Karikatur: Wak Ketok menjual ubat ajabi, *Utusan Zaman*, 28 Januari 1940

Melalui karikatur Wak Ketok, Rahim Kajai menyampaikan kritikan beliau terhadap sikap orang Melayu yang masih berfikir lama dan berpegang kepada tradisi yang tidak memajukan orang Melayu dalam bidang politik dan ekonomi. Contohnya dalam *Utusan Zaman*, 26 November 1939 karikatur berkenaan menyatakan:

Ana fikir bangsa Melayu ana ini sudah kena sumpah katak hijau. Jikalau betul sudah kena sumpah, ana mahu bertanya siapa sumpah? Ke atas tak berpucuk, ke bawah tak berurat, di tengah-tengah dilarik kumbang. Sport [flirting] gadis tak boleh, mendirikan kebangsaan haram. Mengeluarkan suratkhbar najis. Membuka suara mencarut. Berkata benar anti-Islam. Memakai Yang Mulia berdosa. Minta sedekah dia orang tak kasi. Bila berniaga tengoklah ana di atas terjeritjerit menyerukan Kebangsaan Melayu di kedai ana tetapi orang Melayu paling muka. Kedai ana kosong.<sup>33</sup>

Antara topik penting yang dibangkitkan oleh Rahim Kajai ialah sikap orang Melayu itu sendiri yang menghalang kemajuan. Orang Melayu tidak berfikir positif terhadap usaha perniagaan. Dalam rencana pengarang akhbar Majlis dengan tajuk “Seruan Kita: Hidupkanlah

32 Razan Rosman, Sarena Abdullah, Wak Ketok and the Quest for Malay Identity in 1930s Malaya, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Volume 91, Part 2, No.3 15, December 2018, hlm. 23.

33 Dipetik dari Razan Rosman, Wak Ketok, hlm. 36.

Perusahaan Bangsa Kita” mengutarakan sikap orang Melayu tidak menyokong percetakan orang Melayu yang sanggup memerikan kepada bukan Melayu. Sikap ini dianggap Rahim Kajai sebagai kasih bangsa kepada lidah sahaja. Begitu juga dalam bidang pertanian, petani Melayu masih berpegang kepada kepercayaan karut dan tidak mahu mendengar nasihat pegawai pertanian. Dengan berani Rahim Kajai meletakkan masalah ini berpunca daripada pemimpin Melayu terutama penghulu berpegang kepada adat dan menghalang usaha untuk memajukan orang Melayu. Beliau memberi contoh perubahan seperti menubuhkan syarikat koperasi dianggap sebagai kumpulan ‘menderhaka’ dan melawan adat raja, begitu juga usaha berjimat cermat dalam belanja perkahwinan dan hariraya disebut sebagai melanggar agama dan adat negeri.<sup>34</sup>

Rahim Kajai menyediakan cadangan untuk mengatasi isu-isu yang dibangkitkan beliau. Bagi mengatasi kemunduran orang Melayu beliau menuntut kerajaan British memberikan perlindungan kepada perusahaan Melayu dengan mengadakan peraturan dan undang-undang serta menyekat kemasukan kaum asing. Orang Melayu diminta menyokong perusahaan bangsa sendiri agar dapat menggalakkan perusahaan Melayu. Melalui cara ini perusahaan tersebut akan dapat melatih lebih ramai pekerja Melayu untuk menjadi berkemahiran.<sup>35</sup> Rahim Kajai mahukan pemimpin Melayu memainkan lebih peranan yang berkesan dengan cara mencari jalan menggalakan orang Melayu terlibat dalam bidang ekonomi.

Rahim Kajai secara terbuka membicarakan soal politik. Bagi beliau orang Melayu menerima kesan besar daripada zaman meleset tetapi dari segi politik terancam kerana “bertambah lantangnya tuntutan-tuntutan orang Cina dan India meminta bahagian yang lebih besar dalam kerajaan dan pentadbiran”.<sup>36</sup> Ia diburukkan lagi dengan sikap kerajaan British melaksanakan dasar Disentralisasi dengan alasan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan memudahkan pentadbiran. Rahim Kajai berani mengkritik kerajaan British yang memberi kesan menjadi sasaran tindakan mereka. Bagi Rahim Kajai orang Melayu mempunyai hak politik dan ekonomi. Bagaimanapun mereka ketinggalan dalam kedua-dua bidang ini kerana dasar penjajahan. Rahim Kajai menyeru untuk mendapatkan hak politik perlulah orang Melayu mempunyai kesedaran kebangsaan. Namun demikian dasar pecah dan perintah yang dilakukan oleh kerajaan British menghalang satu gerakan bersama. Justeru itu orang Melayu perlu disatukan dalam bentuk kesedaran kebangsaan.

## Reformis

John Funston, seorang ahlis Sains Politik mengiktiraf Rahim Kajai sebagai salah seorang tokoh penting pembaharuan sekitar 1930-40an di Tanah Melayu yang telah memberi kecerahan kepada perjuangan orang Melayu yang telah membawa kepada penubuhan pertubuhan Hizbul Muslimin (Parti Islam).<sup>37</sup> Salah satu sumbangan penting Rahim Kajai ialah telah membantu

34 *Majlis*, 19 April 1934.

35 *Majlis* 5 Januari 1933.

36 Md. Salleh Md. Agus, Abdul Rahim Kajai dengan Keunggulan Politik Melayu dan Kemajuan Ekonomi Melayu, Jebat, 1974, hlm. 54.

37 John Funston, *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS* Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Singapore, 1980. Hlm. 31.

memecahkan kubu pemikiran Kaum Tua yang dianggap menghalang kemajuan orang Melayu. Masalah bagi orang Melayu ialah kerana terlalu kuat berpegang kepada fahaman tradisional dan percaya kepada perkara karut. Masalah ini dikaitkan pula dengan ketinggalan jauh daripada bangsa lain dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

Kesedaran golongan muda dan berpendidikan Melayu telah menggalakan mereka untuk mencari perubahan dalam gerakan organisasi politik. Di antara tahun 1927-1930 terdapat tiga kumpulan radikal secara sembunyi telah dibentuk di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) yang telah membawa penubuhan Persatuan Belia Malaya. Kesemua organisasi berkenaan secara tersendiri dibubarkan kemudiannya apabila pemimpin asal meninggalkan MPSI. Bagaimapun pemimpin-pemimpin ini kemudiannya telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada bulan Mei 1937. Di bawah kepimpinan Ibrahim Haji Yaakob KMM telah berkembang pesat dan dapat menambahkan keahlian di seluruh negeri di Tanah Melayu. Ini kerana KMM membuka keahlian kepada penduduk seluruh Tanah Melayu dengan berpusat di Kuala Lumpur.<sup>38</sup> Sebelum pendudukan tentera Jepun (1941), KMM telah berjaya menubuhkan cawangan di setiap negeri kecuali Perlis.<sup>39</sup>

Rahim Kajai disenaraikan sebagai kumpulan pertama wartawan yang berpengaruh di Tanah Melayu sebaris dengan Munshi Abdullah, Sheikh Tahir Jalaludin, Syed Sheikh Al-Hadi, Dato Onn Jaafar. Kumpulan ini mereka yang bergiat sebelum Perang Dunia Kedua. Manakala kumpulan kedua ialah wartawan yang bergiat selepas Perang Dunia Kedua, antaranya Abdul Samad Ismail, Melan Abdullah, Edrus, Za'aba, Abdullah Zawawi. Rahim Kajai dianggap sebagai bapa wartawan Melayu.<sup>40</sup>

Pemerintahan tentera Jepun mulai tahun 1941, menyebabkan *Utusan Melayu* tidak dapat bergerak. Rahim Kajai mengambil usaha menerbitkan akhbar *Perubahan Baharu* di Kuala Lumpur. Pada 1 Januari 1943, Rahim Kajai telah dilantik oleh tentera Jepun menjadi Ketua Pengarang akhbar *Berita Malai* di Singapura. Walaupun dalam keadaan kesukaran akibat keadaan perang, namun Rahim Kajai meneruskan usaha agar penerbitan akhbar untuk memberi perkhabaran kepada pembaca berterusan sehinggalah beliau meninggal dunia pada 5 Disember 1943.

## Kesimpulan

Abdul Rahim Kajai adalah seorang tokoh wartawan terbilang. Latarbelakang beliau sebagai seorang yang berpendidikan agama telah memberikan kelebihan kepada beliau untuk mempunyai disiplin diri yang tinggi serta komited dengan pekerjaannya. Beliau disegani dan dihormati bukan sahaja oleh para pembaca tetapi oleh pemerintah Jepun yang tiada keraguan melantik menjadi pengarang akhbar berbahasa Jepun. Rahim Kajai dianggap sebagai satu-satunya pengarang pada zamannya yang benar-benar memahami bahawa sesebuah akhbar itu merupakan cermin untuk pembaca melihat dirinya dan juga melihat dan mengetahui hal-hal yang berlaku dalam masyarakat. Jasa yang ditinggalkan oleh Rahim Kajai terus dikenang

38 Rustam A. Sani, *Social Roots of the Malay Left*, hlm. 23

39 Ibid.

40 *The Straits Times*, 25 March 1982

oleh generasi kini. Malahan sikap kesederhanaan beliau tetapi kesungguhan memberikan buah fikiran bagi memahamkan pembaca adalah suatu sumbangan besar kepada generasi baru.

Rahim Kajai berjasa besar dalam membangkitkan semangat nasionalisme orang Melayu melalui melalui akhbar yang diterajui beliau. Dengan adanya akhbar sebagai sumber utama penyampaian idea dan berita, Rahim Kajai telah mempertemukan jiwa orang Melayu dalam ruangan dan penulisan beliau. Usaha Rahim Kajai penting kerana ia telah menarik semua golongan intelenjesia Melayu untuk berkongsi dan menyemarakkan semangat nasionalisme. Kemuncaknya ialah kejayaan pemuda Melayu menubuhkan Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1938 yang menjadi pengasas kepada gerakan organisasi dalam masyarakat Melayu. Kesedaran ini disambung oleh tokoh-tokoh lain yang menggerakkan usaha berkerajaan sendiri dan merdeka daripada jajahan British. Apa yang dilahirkan oleh Rahim Kajai ialah membina jiwa merdeka dan bebas dalam kalangan orang Melayu.

## Rujukan

- Abdul Latiff Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984.
- Abdul Latiff Abu Bakar, *Biografi Malaysia 26-28 April*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1986.
- Funston, John, *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS* Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Singapore, 1980.
- Ibrahim Saad, *Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1977. *Majlis*.
- Md. Salleh Md. Agus, Abdul Rahim Kajai dengan Keunggulan Politik Melayu dan Kemajuan Ekonomi Melayu, *JEBAT*, 1974.
- Mohd Sarim Hj. Mustajab, Profile Seorang Wartawan 1920an Mohamed Younus Abd. Hamid, *JEBAT*, 1977.
- Raja Ali Mukhtaruddin Haji Dain, "Pembinaan Bangsa Melayu: Satu Pengkajian Khusus Mengenai Perancangan Di Malaysia", Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1976.
- Sakini Mat, "Abdul Rahim Kajai: Di Sebalik Bidang Kewartawanan", Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya, 2002/2003.
- Saudara*.
- Siti Rodziyah Nayan, *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Wan Shamsuddin Mohd Yusoff, *Sejarah Sastera Melayu Moden (Sesudah Tahun 1800)* (Kedah: Syarikat Kerjasama Kredit Dan Permodalan Pegawai-Pegawai Melayu Negeri Kedah Berhad, 1976).
- Raden Soenarno, "Malay Nationalism, 1896-1941", *Journal of Southeast Asian History*, 1(1).
- Razan Rosman, Sarena Abdullah, Wak Ketok and the Quest for Malay Identity in 1930s Malaya, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Volume 91, Part 2, No.3 15, December 2018.
- Rencana Pengarang, "Bahasa Melayu Di Legislative Council Boleh Hidup Kalau Bersemangat", *Majlis*, (19 Februari 1934).
- Rencana Pengarang, "Seia Sekata Minyak Dengan Air, Itulah Seia Sekata Melayu Dengan Malayan", *Majlis*, (8 Mac 1934).
- Rencana Pengarang, "Seruan Kita Kepada Anak-Anak Melayu", *Majlis*, 11 April 1932.
- Roff, William R., *Sejarah Surat2 Khabar Melayu*, Saudara Sinaran Bhd, Pulau Pinang, 1967.
- \_\_\_\_\_ *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1980
- Rustam A. Sani, *Social Roots of the Malay Left*, SIRD, Petaling Jaya, 2008.
- The Straits Times*.
- Turnbull C.M., *A History of Modern Singapore, 1819-2005*, Singapore University Press, Singapore.